



KEMENTERIAN BELIA, SUKAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN SARAWAK

ANUGERAH BELIA SARAWAK 2025

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Anugerah Belia Sarawak diadakan adalah bagi meraikan kejayaan belia yang menunjukkan potensi diri yang cemerlang serta menunjukkan kepada masyarakat sumbangan belia ke arah pembangunan negeri.
- 1.2 Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada individu dan organisasi yang telah memberikan sumbangan yang besar kepada negeri Sarawak.
- 1.3 Usaha bagi mengenalpasti belia yang berketrampilan dan cemerlang untuk dijadikan ikon golongan belia sama ada di peringkat negeri atau setempat atau kebangsaan; dan
- 1.4 Menyediakan platform kepada golongan muda dan persatuan Belia untuk terus berjaya dan mengejar cita-cita mereka.

2.0 KATEGORI UTAMA

Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak membuka pencalonan Anugerah Belia Sarawak 2025 bagi kategori:

A. Kategori Individu

- (i) Anugerah Belia Sarawak (Lelaki)
- (ii) Anugerah Belia Sarawak (Wanita)

B. Kategori Anugerah Persatuan Belia Sarawak

- (i) Johan Persatuan Belia Sarawak
- (ii) Naib Johan Persatuan Belia Sarawak

3.0 BENTUK ANUGERAH

Bil.	Nama Anugerah	Wang Tunai (RM)	Piala	Sijil
A. Anugerah Belia Sarawak (Individu)				
1	Anugerah Belia Sarawak (Lelaki)	RM 5,000.00	✓	✓
2	Anugerah Belia Sarawak (Wanita)	RM 5,000.00	✓	✓
B. Anugerah Persatuan Belia Sarawak				
3	Johan Persatuan Belia Sarawak	RM 10,000.00	✓	✓
4	Naib Johan Persatuan Belia Sarawak	RM 7,000.00	✓	✓

4.0 JAWATANKUASA ANUGERAH BELIA SARAWAK 2025

PENGERUSI

Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak

TIMBALAN PENGERUSI I

Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak (I & II)

TIMBALAN PENGERUSI II

Setiausaha Tetap

Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak

SETIAUSAHA

Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pembangunan Belia

Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Pengarah, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak

Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Sarawak

Pengarah, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah, Majlis Sukan Negeri Sarawak

Setiausaha Eksekutif, SABERKAS Negeri

SEKRETARIAT

Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak

5.0 JAWATANKUASA PENCARIAN DAN PEMILIHAN ANUGERAH BELIA SARAWAK 2025

PENGERUSI

Setiausaha Tetap

Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak

TIMBALAN PENGERUSI

Pengarah

Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak

SETIAUSAHA

Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pembangunan Belia

Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Sarawak

Pengarah, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah, Majlis Sukan Negeri Sarawak

Setiausaha Eksekutif, SABERKAS Negeri

SEKRETARIAT

Bahagian Pembangunan Belia,

Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak

6.0 SYARAT- SYARAT UMUM KELAYAKAN

1. Calon mestilah rakyat Sarawak.
2. Berumur tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak melebihi 40 tahun.
3. Permohonan hendaklah dicalonkan dan disokong oleh pertubuhan / institusi yang berkenaan dan berkaitan. Pencalonan boleh juga dicadangkan melalui Jawatankuasa Pencarian dan Pemilihan Anugerah Belia Sarawak 2025.
4. Pemohon wajib mengemukakan perkara-perkara berikut:-
 - a. Borang Permohonan
 - b. Resume
 - c. Sijil pendaftaran/ Kad Pengenalan
 - d. Sijil/ Dokumen Pencapaian
 - e. Surat akuan/ gambar/ dokumen sokongan
 - f. Laporan ringkas pencapaian
 - g. Lain-lain dokumen/ sijil yang boleh menyokong pencalonan anda
5. Bagi kategori Anugerah Persatuan Belia Sarawak, pemohon hendaklah:
 - i. Persatuan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan atau bergabung dengan persatuan yang diiktiraf sebagai pertubuhan belia.
 - ii. Perlembagaan persatuan.
 - iii. Laporan tahunan tiga (3) tahun terakhir termasuk tahun yang dinilai.
6. Hanya pemenang tahun semasa bagi setiap peringkat layak untuk penilaian di peringkat seterusnya.
7. Bagi penerima anugerah, mereka hanya layak dipertimbangkan selepas tempoh tiga (3) tahun penganugerahan.